



21 MAR, 2023

## Tujuh beranak tidak lagi bergelap sepanjang Ramadan

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

# Tujuh beranak tidak lagi bergelap sepanjang Ramadan

**GUA MUSANG** – Nasib tujuh sekeluarga yang tinggal tanpa bekalan elektrik selama empat tahun di Kampung Baru di sini, mendapat perhatian apabila menerima sumbangan set generator untuk kegunaan harian.

Rusmawaty, 35, berkata, dia bersyukur kerana kesusahan keluarganya mendapat perhatian pelbagai pihak dan menyifatkan kehidupannya bersama ahli keluarga pada bulan Ramadan kali ini lebih baik daripada sebelumnya.

“Kami sekeluarga gembira dan hanya Tuhan sahaja dapat membalas jasa semua pihak yang tampil membantu.

“Kami menganggap ini adalah rezeki bulan Ramadan yang akan disambut beberapa hari lagi. Saya berterima kasih kepada semua pihak yang menyalurkan bantuan kewangan dan barangan makanan kepada kami,” katanya.

Terdahulu, keluarga Rusmawaty menerima kunjungan Ahli Parlimen Gua Musang, Mohd. Azizi Abu Naim yang menyampaikan sumbangan set generator, barangan makanan serta keperluan sekolah kepada anaknya.

Sementara itu, Mohd. Azizi berkata, pihaknya akan membawa masalah yang dihadapi Rusmawaty kepada agensi terli-



**MOHD. AZIZI (kanan)** menyampaikan set generator kepada Rusmawaty (tengah) dan keluarganya di Kampung Baru, Gua Musang kelmarin.

– AIMUNI TUAN LAH



**KERATAN Kosmo! 17 Mac 2023.**

bat bagi membolehkan keluarga berkenaan mendapat bantuan rumah kekal dan selesa.

“Terima kasih kepada pihak media yang menyiarkan kisah keluarga ini dan seterusnya kami dapat mengambil tindakan lanjut untuk membantu mereka termasuk kediaman lebih baik,” jelasnya.